

# Dera: Majikan disenarai hitam

Oleh JOHARDY IBRAHIM


**K**UALA LUMPUR 4 Feb. — Pasangan suami isteri yang disyaki mendera pembantu rumah rakyat Indonesia mereka baru-baru ini telah disenarai hitam oleh Jabatan Imigresen daripada semua kemudahan Imigresen, terutama mengambil pembantu rumah baru.

Pada masa yang sama, pembantu rumah Indonesia berkenaan, Nurjanah Matyak, 40, telah diletakkan di bawah perlindungan Imigresen sehingga kesnya selesai.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat berkata, pihaknya telah memanggil kedua-dua mereka.

Si suami adalah pegawai kerajaan manakala isterinya adalah suri rumah dan berusia pertengahan 40-an ditemu duga sejak semalam.

Katanya, kes penderaan itu sedang disiasat



ASEH CHE MAT

oleh polis di bawah Kanun Keseksaan dan pihaknya bertindak mengikut Akta Imigresen.

Mengikut siasatan awal, katanya, isteri majikan mengakui mendera pembantu rumah berkenaan termasuk dengan merotan, diarah makan rambut sendiri dan menjilat air kencing anak mereka.

“Wanita itu turut mengaku ‘menyediakan’ dua batang rotan, masing-masingnya satu di tingkat bawah dan atas rumah mereka jika pembantu rumah tersebut melakukan kesalahan.

“Kita menyifatkan kes ini sebagai melampau kerana bukan saja ia tidak berperikemanusiaan, malah telah mencemar imej negara dengan tindakan seumpama itu,”katanya di sini, hari ini.

Kelmarin, akhbar melaporkan Nurjanah telah didera secara fizikal dan mental oleh majikannya.

Nurjanah mendakwa dia didera majikannya di Kelana Jaya sejak lebih setahun lalu dengan memukul menggunakan rotan.

Penderitaan Nurjanah terbongkar selepas jirannya yang terdengar jeritan mangsa pada 19 Januari lalu menghubungi polis. Jiran mangsa turut membuat laporan polis mengenai kes itu.

Susulan daripada kes

itu, Aseh berkata, Imigresen telah memeriksa permit kerja Nurjanah dan mendapati ia sah tetapi telah diuruskan oleh agensi yang tidak berdaftar dengan jabatan.

Menurutnya, Imigresen telah menyerbu agensi Malle Maid Holdings Asia Sdn. Bhd. di Damansara Utama dan menahan pemiliknya (wanita) dan pembantunya, lelaki Indonesia bertaraf penduduk tetap serta dua wanita pembantu rumah.

Selain itu, kata beliau, pihaknya merampas 37 pasport wanita Indonesia dipercayai pembantu rumah yang sedang bekerja dengan majikan.

“Hari ini, Imigresen telah mendapatkan perintah reman tujuh hari terhadap keempat-empat mereka untuk siasatan lanjut,” ujar beliau.

Beliau juga tidak menolakan Imigresen akan meningesan 37 wanita tersebut bagi membantu siasatan terhadap agensi tersebut.